



29 Mac 2013  
29 March 2013  
P.U. (A) 121

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERATURAN-PERATURAN PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) (MEDAN MARGINAL) 2013

#### *PETROLEUM (INCOME TAX) (MARGINAL FIELD) REGULATIONS 2013*



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

PERATURAN-PERATURAN PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN)  
(MEDAN MARGINAL) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 22A (1) Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 [*Akta 543*], Ketua Pengarah membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Petroleum (Cukai Pendapatan) (Medan Marginal) 2013**.

(2) Peraturan-Peraturan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 30 November 2010.

**Pemakaian**

2. Peraturan-Peraturan ini hendaklah terpakai bagi semua orang yang boleh dikenakan cukai yang menjalankan operasi petroleum di suatu medan marginal.

**Tafsiran**

3. Bagi maksud Peraturan-Peraturan ini—

“medan marginal” ertinya suatu medan dalam kawasan perjanjian petroleum sebagaimana yang diperuntukkan di bawah peraturan 4.

**Medan marginal**

4. Menteri boleh menentukan suatu medan marginal iaitu suatu medan dalam kawasan perjanjian petroleum yang mempunyai rizab minyak mentah yang berpotensi tidak melebihi tiga puluh juta tong tangki stok atau rizab gas asli tidak melebihi lima ratus bilion kaki padu standard.

**Pendapatan kasar**

5. (1) Dalam menentukan pendapatan kasar bagi seseorang yang boleh dikenakan cukai daripada operasi petroleumnya yang dijalankan di bawah suatu perjanjian petroleum, pendapatan daripada operasi petroleum di suatu medan marginal bagi orang yang boleh dikenakan cukai itu hendaklah dianggap berasingan daripada operasi petroleumnya yang lain.

(2) Jika orang yang boleh dikenakan cukai itu menjalankan operasi petroleum di dua atau lebih medan marginal di bawah suatu perjanjian petroleum, pendapatan daripada semua medan marginal itu hendaklah diambil kira sebagai jumlah pendapatan kasar orang yang boleh dikenakan cukai itu daripada semua medan itu.

**Pendapatan larasan**

6. Pendapatan larasan seseorang yang boleh dikenakan cukai bagi tempoh asas bagi suatu tahun taksiran daripada operasi petroleumnya di suatu medan marginal hendaklah bersamaan amaun yang ditentukan mengikut Bahagian III Bab 3 Akta.

**Kerugian larasan**

7. (1) Dalam keadaan, apabila berlaku kekurangan pendapatan kasar bagi seseorang yang boleh dikenakan cukai bagi tempoh asas bagi suatu tahun taksiran daripada operasi petroleumnya di suatu medan marginal, sepatutnya terdapat amaun pendapatan larasan orang yang boleh dikenakan cukai itu bagi tempoh itu, amaun yang jumlah bagi potongan itu yang sepatutnya dibenarkan di bawah Bahagian III Bab 3 Akta dalam menentukan pendapatan larasan melebihi pendapatan kasarnya bagi tempoh itu daripada operasi petroleumnya di suatu medan marginal itu hendaklah diambil kira sebagai amaun bagi kerugian larasannya bagi tempoh itu daripada operasi petroleum itu.

(2) Kerugian larasan yang ditentukan di bawah subperaturan (1) hendaklah hanya dibenarkan sebagai suatu potongan terhadap pendapatan berkanun orang yang boleh dikenakan cukai itu daripada operasi petroleumnya di suatu medan marginal.

**Pendapatan berkanun**

8. Tertakluk kepada peraturan 9 dan 10, pendapatan berkanun bagi seseorang yang boleh dikenakan cukai bagi tempoh asas bagi suatu tahun taksiran berkenaan dengan operasi petroleum di suatu medan marginal hendaklah ditentukan mengikut Bab 4 Bahagian III Akta dan Kaedah-Kaedah Petroleum (Cukai Pendapatan) (Elaun Modal Dipercepatkan) (Medan Marginal) 2013 [*P.U. (A) 119 /2013*].

**Elaun modal yang tidak diserap**

9. Jika, oleh sebab ketiadaan atau kekurangan pendapatan larasan bagi seseorang yang boleh dikenakan cukai daripada operasi petroleumnya di suatu medan marginal bagi tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, pelaksanaan tidak dapat dibuat atau tidak dapat dibuat sepenuhnya atas elaun yang ditentukan yang orang yang boleh dikenakan cukai itu berhak di bawah peraturan 8 bagi tahun taksiran itu, maka sekian banyak daripada elaun itu yang tidak dapat diberikan hendaklah diberikan pada tahun taksiran pertama yang berikutnya bagi tempoh asas yang terdapat pendapatan larasan daripada operasi petroleum di suatu medan marginal, dan bagi tahun-tahun taksiran berikutnya sehingga keseluruhan elaun sebagaimana yang ia berhak diberikan.

**Pendapatan boleh taksir**

10. (1) Pendapatan boleh taksir seseorang yang boleh dikenakan cukai daripada operasi petroleum di suatu medan marginal bagi suatu tahun taksiran (dalam peraturan ini disebut sebagai “tahun berkaitan”) hendaklah terdiri daripada amaun pendapatan berkanunnya bagi tahun berkaitan daripada operasi petroleum itu di suatu medan marginal ditolak dengan amaun mana-mana kerugian larasan daripada operasi petroleum itu bagi tempoh asas bagi suatu tahun taksiran sebelum tahun taksiran berkaitan yang belum dipotong daripada pendapatan berkanunnya daripada operasi petroleum itu bagi suatu tahun taksiran sebelum tahun berkaitan itu.

(2) Suatu potongan bagi mana-mana kerugian larasan di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat sedapat mungkin daripada pendapatan berkanun orang yang boleh dikenakan cukai itu daripada operasi petroleumnya di suatu medan marginal bagi tahun taksiran pertama selepas tempoh asas yang kerugian itu adalah kerugian larasan, dan, sekiranya tidak dapat diberikan, hendaklah dibuat daripada

pendapatan berkanun daripada operasi petroleum itu bagi tahun taksiran selepasnya, dan seterusnya.

(3) Pendapatan boleh taksir yang ditentukan di bawah subperaturan (1) hendaklah dianggap sebagai sebahagian daripada pendapatan boleh cukai bagi seseorang yang boleh dikenakan cukai bagi suatu tahun taksiran bagi maksud seksyen 22 Akta.

### **Pendapatan yang boleh dikenakan cukai**

11. Tertakluk kepada seksyen 22 Akta, pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi seseorang yang boleh dikenakan cukai daripada operasi petroleum di suatu medan marginal bagi suatu tahun taksiran (dalam peraturan ini disebut sebagai “tahun berkaitan”) hendaklah terdiri daripada jumlah pendapatan boleh taksirnya bagi tahun berkaitan daripada operasi petroleum itu di suatu medan marginal ditolak dengan suatu jumlah bersamaan dengan apa-apa hadiah berupa wang tunai atau kos sumbangan atau nilai sumbangan yang dibuat oleh orang yang boleh dikenakan cukai itu dalam suatu tempoh asas bagi tahun taksiran itu hendaklah ditentukan mengikut formula yang berikut:

$$\frac{A}{B} \times C$$

- |       |   |                                                                                                                                                                         |
|-------|---|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| iaitu | A | ialah pendapatan kasar orang yang boleh dikenakan cukai itu daripada suatu medan marginal;                                                                              |
|       | B | ialah jumlah pendapatan kasar orang yang boleh dikenakan cukai itu daripada operasi petroleum; dan                                                                      |
|       | C | ialah hadiah berupa wang tunai atau kos sumbangan atau nilai sumbangan yang dibuat oleh orang yang boleh dikenakan cukai itu dalam tempoh asas bagi tahun taksiran itu. |